

Telekom tawar diskaun galakkan e-perdagangan

UM 13 SEP 2003

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Telekom Malaysia Bhd. (Telekom) akan memberi diskaun sebanyak 50 peratus bagi pakej perusahaan dan korporat, untuk menggalakkan penggunaan e-perdagangan dan jalur lebar internet.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pengurangan itu akan dijalankan secara berperingkat mulai 30 peratus pada peringkat pertama dan 20 peratus lagi di peringkat yang seterusnya.

"Pengguna jalur lebar yang lain pula akan menikmati pengurangan caj sebanyak 30 peratus," katanya.

Di samping itu, Telekom juga akan mengurangkan caj laluan internet bagi memastikan semua pihak mendapat akses internet pada kos yang rendah, jelasnya.

Pengurangan ini dijangka akan meningkatkan daya saing syarikat tempatan dalam menghadapi cabaran globalisasi dan 'memenangi' per-

saingan dari firma-firma luar di pasaran domestik mahupun antarabangsa, ujar beliau lagi.

Menurutnya, bagi memperbaiki daya saing negara lagi, kerajaan turut bercadang untuk memberi potongan cukai, pengurangan duti import dan eksport dalam beberapa aspek terpilih bagi 'menguatkan' firma-firma tempatan.

Antaranya potongan cukai sepenuhnya ke atas perbelanjaan kerajaan dalam sebarang

aktiviti mempromosi jualan dan potongan cukai 50 peratus di atas perbelanjaan kerajaan lain, ujar beliau.

Selain itu, kerajaan juga akan menghapuskan had tempoh pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas alat ganti dan bahan guna habis bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan yang akan tamat tempohnya pada 31 Disember tahun ini, kata Perdana Menteri lagi.